

PruBSN COVID-19 Care – Soalan-soalan Lazim

Ciri-ciri Pelan

1. Apakah PruBSN COVID-19 Care?

PruBSN COVID-19 Care adalah suatu pelan takaful berkelompok di mana Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) adalah Pemegang Sijil Induk. Ahli yang Dilindungi untuk pelan ini adalah pengguna aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential* berkelayakan yang berumur di antara 19 hingga 60 tahun pada tarikh hari lahir akan datang yang telah menyertai dalam pelan ini.

PruBSN COVID-19 Care merupakan pelan enam (6) bulan yang memberi perlindungan terhadap kematian yang disebabkan oleh jangkitan COVID-19 atau komplikasi atau kesan sampingan serius yang disebabkan oleh Vaksinasi COVID-19. Pelan ini akan memberi manfaat elaun tunai jika Ahli yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital disebabkan oleh jangkitan COVID-19 atau komplikasi atau kesan sampingan serius yang disebabkan oleh Vaksinasi COVID-19. PruBSN COVID-19 Care ialah produk patuh Syariah.

2. Apakah manfaat yang ditawarkan oleh PruBSN COVID-19 Care?

| | Manfaat-manfaat | Jumlah Dilindungi |
|------------------------------|---|--|
| Manfaat Kematian | <p>Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia kerana sebab-sebab yang berikut dalam Tempoh Perlindungan, 100% Jumlah Dilindungi* akan dibayar secara sekaligus daripada Dana <i>Tabarru`</i> :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. jangkitan COVID-19; atau ii. kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) yang serius selepas Vaksinasi COVID-19 yang diluluskan. <p>* Jumlah Dilindungi Dikurangkan akan dibayar kepada Ahli yang Dilindungi yang masih belum melengkapkan bilangan dos yang diperlukan untuk Vaksinasi COVID-19 yang diluluskan, selaras dengan Garis Panduan Klinikal mengenai Vaksinasi COVID-19 di Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.</p> | <p>RM 30,000</p> <p>Atau</p> <p>RM 10,000 (jika anda masih belum melengkapkan bilangan dos yang diperlukan untuk Vaksinasi COVID-19)</p> |
| Manfaat Elaun Tunai Hospital | <p>Sekiranya Ahli yang Dilindungi Dimasukkan ke Hospital kerana sebab-sebab yang berikut dalam Tempoh Perlindungan, elaun tunai sebanyak RM 1,000 akan dibayar secara sekaligus daripada Dana <i>Tabarru`</i> :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. jangkitan COVID-19 yang memerlukan Rawatan Aktif (Kategori 3, 4, dan 5 sahaja); atau ii. kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) yang serius dan memerlukan Kemasukan ke Hospital yang Perlu dari Segi Perubatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas Vaksinasi COVID-19 yang diluluskan. <p>Nota: Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja dan bayaran manfaat ini tidak akan menamatkan sijil. Amaun manfaat adalah sama, sama ada anda melengkapkan bilangan dos yang diperlukan untuk Vaksinasi COVID-19 atau tidak.</p> | <p>RM1,000</p> |

3. Siapakah yang boleh menyertai PruBSN COVID-19 Care?

Anda boleh sertai pelan ini sekiranya anda:

- a. warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia; dan
- b. pengguna aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential mobile application* yang layak; dan
- c. berumur antara sembilan belas (19) hingga enam puluh (60) tahun pada hari lahir yang akan datang.

4. **Seciranya saya didapati positif Covid-19, tetapi tidak perlu dimasukkan ke hospital, adakah saya layak untuk menerima Manfaat Elaun Tunai Hospital?**

Tidak. Manfaat Elaun Tunai Hospital hanya akan dibayar jika anda dimasukkan ke hospital disebabkan oleh jangkitan COVID-19 dan menerima Rawatan Aktif sebagai pesakit COVID-19 Kategori 3, 4, dan 5.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mentakrifkan beberapa tahap klinikal (1-5) untuk gejala yang berkaitan dengan COVID-19. Pesakit dalam kategori klinikal 1 hingga 2 biasanya diserang penyakit ringan dan umumnya tidak memerlukan rawatan, dan mereka tidak perlu dimasukkan ke hospital. Untuk menilai sama ada kemasukan itu adalah "kuarantin" atau "kemasukan ke hospital", kami akan merujuk kepada laporan perubatan / ringkasan pelepasan / pernyataan doktor. Kemasukan itu akan dianggap sebagai 'kemasukan ke hospital' sekiranya dokumen melaporkan bahawa pesakit menerima rawatan aktif di hospital (seperti sokongan ventilasi, bekalan oksigen dan ubat intravena) kerana didiagnosis positif COVID-19.

5. **Adakah saya layak untuk menerima Manfaat Elaun Tunai Hospital, sekiranya saya merupakan pesakit COVID-19 kategori 1 atau 2 tetapi perlu dimasukkan ke hospital atas cadangan daripada doktor?**

Tidak. Pesakit COVID-19 yang tidak mempunyai sebarang simptom (Kategori 1- tidak bergejala) atau pesakit yang tidak memerlukan rawatan aktif iaitu seperti perlu dikuarantin sahaja (Kategori 1 – tidak bergejala atau Kategori 2 – bergejala, tanpa pneumonia), tiada Manfaat Elaun Tunai Hospital akan dibayar.

6. **Saya dimasukkan ke hospital untuk menerima rawatan sakit jantung. Saya juga didapati menghidap Covid-19 Kategori 4 dalam jangka masa yang sama di hospital. Adakah saya layak untuk menerima Manfaat Elaun Tunai Hospital?**

Ya. Anda layak untuk mendapat Manfaat Elaun Tunai Hospital dengan menyediakan semua dokumen yang diperlukan untuk proses tuntutan.

7. **Seciranya vaksin saya diterima di luar negara, adakah PruBSN COVID-19 Care akan memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian atau menyediakan manfaat elaun tunai disebabkan oleh komplikasi atau kesan sampingan yang serius selepas Vaksinasi COVID-19?**

Tidak. Vaksinasi Covid-19, yang merangkumi dos pertama dan dos seterusnya mesti diluluskan dan diatas kawalan pegawai perubatan berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah ditentukan lokasi pusat vaksinasi di dalam Malaysia.

8. **Bagaimanakah untuk menyertai PruBSN COVID-19 Care?**

Muat turun aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential* yang terbaru dan daftar akaun Pulse. Log masuk ke dalam akaun Pulse anda dan di bawah 'Laman Utama' -> tekan tab 'PruShoppe' -> tekan 'PruBSN COVID-19 Care' dan ikut langkah seterusnya untuk melengkapkan penyertaan anda.

9. **Bagaimanakah PruBSN COVID-19 Care berfungsi?**

PruBSN COVID-19 Care adalah berdasarkan konsep takaful yang mana Ahli yang Dilindungi memberikan bantuan sesama kepada satu sama lain apabila berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini. Sebahagian daripada sumbangan anda akan ditolak sebagai caj *Wakalah* pendahuluan, iaitu caj yang dikenakan di bawah sijil anda untuk perkhidmatan yang diberikan, dan bakinya akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*. Wang yang dikumpulkan di dalam dana tersebut akan digunakan untuk membayar tuntutan yang dibuat oleh mana-mana peserta. Anda mungkin layak untuk mendapat sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru`*, jika ada. Sila rujuk Soalan 10 untuk butiran lanjut mengenai agihan lebihan.

10. **Adakah saya akan menikmati lebihan (daripada Dana *Tabarru`*)?**

Bersama-sama dengan Ahli yang Dilindungi yang lain, anda layak untuk menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi kerana mengurus Dana *Tabarru`*. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN. Namun demikian, sila ambil perhatian bahawa semua Lebihan yang Boleh Diagihkan yang diisytiharkan di bawah produk ini akan disalurkan ke pertubuhan-pertubuhan amal yang dirasakan sesuai oleh PruBSN sebagai derma.

Kebenaran dari anda mengenai pengaturan lebihan ini akan diambil semasa pendaftaran pelan di aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*.

Sekiranya terdapat defisit daripada Dana *Tabarru`*, PruBSN tidak akan membayar sebarang lebihan pada tahun kewangan tersebut. PruBSN akan menguruskan kerugian tersebut dengan menggunakan *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan membawa ke hadapan *Qard* tersebut ke tahun kewangan berikutnya. PruBSN mungkin akan menggunakan sebarang lebihan pada masa hadapan untuk membayar balik *Qard* tersebut. Sebarang baki selepas pembayaran balik pinjaman akan dianggap sebagai lebihan yang boleh diagihkan.

11. Bagaimanakah boleh saya mengetahui lebih lanjut mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat PruBSN COVID-19 Care?

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk, Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lanjut.

12. Adakah tempoh menunggu dibenarkan di bawah PruBSN COVID-19 Care?

Ya. Tempoh Menunggu adalah lima belas (15) hari dari Tarikh Berkuat kuasa Sijil untuk setiap manfaat.

Ini bermaksud bahawa kelayakan untuk mendapatkan manfaat di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu untuk setiap manfaat dari permulaan perlindungan anda.

13. Apakah pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah PruBSN COVID-19 Care?

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk, Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lanjut.

14. Bolehkah saya menyertai PruBSN COVID-19 Care melalui agen PruBSN saya?

Tidak, penyertaan pelan ini hanya boleh dibuat melalui aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*.

Sumbangan dan Caj

15. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

PruBSN COVID-19 Care hanya mempunyai satu kadar sumbangan untuk semua peringkat umur. Amaun sumbangan yang perlu dibayar untuk pelan ini ialah RM36.

16. Bagaimanakah boleh saya bayar sumbangan bagi pelan ini?

Bayaran sumbangan bagi pelan ini boleh dibuat melalui kredit kad, debit kad, atau promo/kod baucar.

17. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikenakan untuk PruBSN COVID-19 Care?

SST tidak akan dikenakan untuk PruBSN COVID-19 Care. Walau bagaimanapun, cukai boleh dikenakan pada bila-bila masa di mana-mana bahagian sumbangan, atau sebarang pembayaran yang dikenakan atau pembayaran dari anda untuk pelan ini. Sekiranya demikian, anda akan membayar cukai pada kadar semasa yang dikenakan.

18. Adakah sumbangan yang dibayar untuk PruBSN COVID-19 Care layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?

Ya, sumbangan yang dibayar mungkin melayakkan anda untuk perlepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada terma dan syarat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

19. Apakah caj-caj yang ada di bawah PruBSN COVID-19 Care?

Caj *Wakalah* Pendahuluan sebanyak 15% akan ditolak daripada sumbangan anda dan baki sebanyak 85% daripada sumbangan akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.

Pengunderaitan

20. Adakah saya perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan, kesihatan atau kewangan untuk menyertai PruBSN COVID-19 Care?

Anda tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan atau kesihatan untuk menyertai PruBSN COVID-19 Care. Namun demikian, penilaian Pencegahan Pengubahan Wang Haram adalah perlu dan akan dijalankan oleh PruBSN.

21. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya salah / tersilap mengisytiharkan maklumat?

Apabila menjawab soalan yang ditanya oleh pihak PruBSN, anda mestilah mengisytiharkan segala fakta yang relevan yang anda sepatutnya tahu sebaik pengetahuan anda dan atas niat baik dan tiada maklumat yang penting yang disembunyikan dan ini akan menjadi asas kepada kontrak perlindungan takaful. PruBSN akan mengesahkan maklumat

dan deklarasi yang diberikan oleh anda dan boleh membatalkan sijil sekiranya terdapat maklumat yang diberikan tidak tepat. Sila rujuk Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lanjut tentang salah nyata / penipuan.

22. **Saya mempunyai sijil PruBSN COVID-19 Care sedia ada. Bolehkah saya menyertai dalam sijil yang baru?**
Tidak, anda hanya boleh menyertai dalam satu (1) Sijil PruBSN COVID-19 Care pada satu masa.

Perkhidmatan Sijil

23. **Selepas saya menyertai PruBSN COVID-19 Care, siapakah yang perlu saya hubungi untuk perkhidmatan sijil?**
Anda boleh menyelenggarakan sijil anda seperti menukar butir-butir perhubungan dan membatalkan sijil anda melalui `Pelan Saya` (dikenali sebagai `PRUServices` berkuatkuasa pada 1 Mac 2022) di dalam aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*. Sila rujuk Soalan 25 dan 26 untuk maklumat lanjut.
24. **Bagaimanakah saya akan menerima Ringkasan Sijil saya selepas menyertai PruBSN COVID-19 Care?**
Apabila penyertaan anda berjaya, anda boleh menyemak Ringkasan Sijil anda melalui `Pelan Saya` (dikenali sebagai `PRUServices` berkuatkuasa pada 1 Mac 2022) di dalam aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*.
25. **Bagaimanakah saya boleh menukar butir-butir perhubungan saya?**
Anda boleh menukar dan mengemaskini alamat dan butir-butir perhubungan anda melalui `Kemaskini Maklumat Hubungan` di bawah `Pelan Saya` (dikenali sebagai `PRUServices` berkuatkuasa pada 1 Mac 2022) di dalam aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*.
26. **Bolehkah saya membatalkan sijil selepas penyertaan?**
Anda boleh memilih untuk membatalkan sijil anda melalui `Pelan Saya` (dikenali sebagai `PRUServices` berkuatkuasa pada 1 Mac 2022) di dalam aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential* dalam tempoh lima belas (15) hari yang pertama selepas menyertai pelan ini ("Tempoh Rujukan Percuma"), PruBSN akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar.

Sekiranya anda tidak membatalkan sijil dalam lima belas (15) hari Tempoh Rujukan Percuma, PruBSN akan memberikan perlindungan takaful sehingga tarikh tamat tempoh sijil takaful bagi Ahli yang Dilindungi. Penyerahan sijil tidak lagi berkenaan selepas tamatnya Tempoh Rujukan Percuma untuk pelan ini. Ini adalah pelan jangka pendek, penyerahan pelan ini tidak akan memberikan manfaat kepada anda.

Penamaan

27. **Mengapakah ia adalah penting untuk membuat penamaan?**
Penamaan adalah penting untuk memastikan orang kesayangan anda akan menerima manfaat seperti yang anda inginkan dan manfaat-manfaat di bawah sijil boleh dibuat oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Penama tersebut boleh menjadi pelaksana (*wasi*) atau penerima manfaat dibawah *Hibah* (Hadiah) bersyarat. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat di bawah sijil akan dibayar kepada pelaksana atau pentadbir anda yang sah untuk mengagihkan wang tersebut mengikut undang-undang pengagihan yang berkaitan. Proses ini mungkin akan memakan masa.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada penama anda mengenai manfaat sijil dan penamaan.
28. **Siapakah yang saya boleh namakan sebagai penama untuk sijil saya?**
(i) Penama mestilah seorang individu. Penamaan kepada sesuatu organisasi adalah tidak dibenarkan.
(ii) Sekiranya penama anda adalah di bawah umur 18 (lapan belas) tahun semasa tuntutan dibuat, semua manfaat akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup atau penuntut yang wajar, iaitu penjaga yang sah, tertakluk kepada bukti undang-undang / dokumen sokongan yang berkenaan.
29. **Bagaimanakah untuk membuat penamaan?**
Anda boleh memutuskan siapa yang akan dinamakan sebagai penama kepada sijil ini untuk menerima manfaat-manfaat di bawah sijil dengan melengkapkan borang penamaan bersama butiran saksi dan menghantar borang penamaan melalui saluran berikut atau sebarang saluran lain yang mungkin disediakan oleh PruBSN untuk anda dari semasa ke semasa:
a) lawat mana-mana Cawangan Prudential atau PruBSN; atau
b) emel ke customer@prubsn.com.my.

Borang penamaan akan disediakan untuk anda:

- a) di Cawangan Prudential atau PruBSN; atau
- b) di laman web korporat PruBSN <https://www.prubsn.com.my/>; atau

Tuntutan

30. Bagaimanakah saya boleh mengemukakan tuntutan?

Untuk tuntutan Manfaat Kematian:

Penuntut boleh menyerahkan borang tuntutan yang lengkap dengan dokumen sokongan ke cawangan PruBSN terdekat anda.

Sila kunjungi laman web PruBSN di <https://www.prubsn.com.my/ms/how-to-claim/> untuk maklumat lebih lanjut mengenai senarai dokumen yang diperlukan untuk penyerahan tuntutan.

Untuk tuntutan Manfaat Elaun Tunai Hospital:

Anda boleh mendaftar tuntutan anda di dalam "Daftar Tuntutan" di aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential* bersama dengan dokumen sokongan.

31. Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan?

Untuk tuntutan Manfaat Kematian:

Penuntut dikehendaki untuk mengemukakan dokumen yang berikut:

- 1) Borang Tuntutan – ditandatangani oleh penuntut / penama (-penama) (orang yang membuat tuntutan)
- 2) Sijil Perawat Perubatan - ditandatangani oleh doktor terakhir yang merawat Ahli yang Dilindungi
- 3) Salinan Sijil Kematian yang disahkan - hendaklah disahkan oleh kakitangan cawangan PruBSN atau Eksekutif/Pengurus Pembangunan Perniagaan
- 4) Salinan Kad Pengenalan Penuntut (jika tiada penama)
- 5) Salinan Kad Pengenalan Ahli yang Dilindungi
- 6) Salinan bukti hubungan yang diperakui (Sijil Perkahwinan, Surat Beranak, Anak-anak Yang Menuntut, Ibu Bapa yang Meninggal Dunia) untuk semua pihak yang menuntut (jika tiada penama)
- 7) Borang e-Kredit yang telah diisi oleh penama/penuntut
- 8) Bukti laporan Ahli yang Dilindungi dijangkiti COVID-19, yang menyebabkan kematian (contoh: ringkasan pelepasan, laporan bedah siasat, keputusan ujian pengesahan COVID-19- ujian saringan hidung / tekak atau lain-lain, seperti yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).
- 9) Sijil Digital dengan Kod QR untuk vaksinasi COVID-19 di dalam aplikasi MySejahtera Ahli yang Dilindungi.
- 10) Laporan sokongan lain (jika berkenaan)

Borang tuntutan yang berkaitan boleh dimuat turun dari laman web korporat PruBSN di <https://www.prubsn.com.my/>, didapati di mana-mana cawangan PruBSN, didapati dengan hantarkan e-mel permintaan ke customer@prubsn.com.my atau hubungi talian Perkhidmatan Pelanggan PruBSN di 03 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi - 5.15 petang).

Untuk tuntutan Manfaat Elaun Tunai Hospital:

Untuk penyerahan melalui aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*, penuntut diminta untuk mengemukakan dokumen yang berikut:

- 1) Depan dan belakang gambar Kad Pengenalan
- 2) Gambar swafoto yang memegang pengesahan IC / Kad Pengenalan
- 3) Bukti laporan siasatan dan/atau makmal yang mengesahkan keputusan ujian pengesahan COVID-19 seperti ujian saringan hidung / tekak atau lain-lain, seperti yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).
- 4) Penyata Doktor Merawat atau Ringkasan Pelepasan Terperinci
- 5) Sijil Digital dengan Kod QR untuk vaksinasi COVID-19 di dalam aplikasi MySejahtera Ahli yang Dilindungi.
- 6) Laporan sokongan lain (jika berkenaan)

PruBSN boleh meminta dokumen sokongan lain yang relevan, maklumat atau salinan dokumen asal apabila diperlukan.

32. Berapa lamakah tempoh untuk tuntutan saya diproses?

Setelah menerima dokumen yang lengkap, pembayaran tuntutan akan diproses dalam masa 13 hari bekerja.

Maklum Balas Saya

33. Bagaimanakah saya boleh memberikan maklum balas saya mengenai aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential*?

Anda boleh memberikan maklum balas anda melalui 'Akaun' -> Klik 'Kongsi Maklum Balas'.

Penamatan

34. Dalam keadaan apa sijil saya akan tamat?

Sijil anda akan tamat secara automatik (yang mana berlaku dahulu):

- a) apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- b) pada tarikh tamat tempoh sijil takaful Ahli yang Dilindungi; atau
- c) apabila perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi dibatalkan; atau
- d) selepas menerima arahan bertulis dari Ahli yang Dilindungi untuk menamatkan perlindungan takaful dalam Tempoh Rujukan Percuma selama lima belas (15) hari.

35. Apa yang harus saya lakukan sekiranya saya ingin meneruskan perlindungan saya di bawah PruBSN COVID-19 Care setelah tamatnya sijil saya?

Tertakluk kepada kelayakan anda, anda boleh mempertimbangkan untuk menyertai semula pelan PruBSN COVID-19 Care selepas tamat tempoh sijil. Walaubagaimanapun, periyertaan ini akan dianggap periyertaan baru dimana anda akan menjalani proses pendaftaran yang sama di aplikasi mudah alih *Pulse by Prudential* untuk meyertai. Tempoh Menunggu 15 hari akan dikenakan.